



CUKAI JUALAN

**PANDUAN
PEMBAYARAN BALIK (*REFUND*),
PULANG BALIK (*DRAWBACK*)
DAN RAYUAN CUKAI JUALAN**

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya**

13 Februari 2020

Penerbitan

Tarikh: 13 Februari 2020

Panduan Panduan Pembayaran Balik (Refund), Pulang Balik (Drawback) Dan Rayuan Cukai Jualan pada 01 Januari 2020 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Panduan Pembayaran Balik (Refund), Pulang Balik (Drawback) Dan Rayuan Cukai Jualan yang dikemaskini pada 13 Februari 2020.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
PENDAHULUAN.....	1
PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI	3
TERMINOLOGI.....	5
PEMBAYARAN BALIK DI BAWAH SUBSEKSYEN 35(3) ACJ 2018 DAN 34(3) ACP 2018	6
PEMBAYARAN BALIK DI BAWAH SUBSEKSYEN 35(6) ACJ 2018 DAN 34(6) ACP 2018	6
PEMBAYARAN BALIK DI BAWAH SEKSYEN 36 ACJ 2018 DAN 35 ACP 2018	7
PEMBAYARAN BALIK DI BAWAH SUBSEKSYEN 39(1)(a) ACJ 2018 DAN 38(1)(a) ACP 2018	10
PULANG BALIK DI BAWAH SUBSEKSYEN 40(1) ACJ 2018.....	11
RAYUAN KE ATAS PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK	15
TUNTUTAN OLEH PIHAK KETIGA	16
PERTANYAAN	17
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	17

PENGENALAN

1. Panduan ini disediakan untuk membantu syarikat dalam memahami proses permohonan pembayaran balik (*refund*), pulang balik (*drawback*) dan rayuan cukai jualan selaras dengan dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan cukai jualan.

PENDAHULUAN

2. Peruntukan pembayaran balik (*refund*) di bawah Seksyen 39 Akta Cukai Jualan 2018 adalah untuk memulangkan apa-apa cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang telah terlebih dibayar atau terkhilaf bayar. Kelayakan pembayaran balik diberi di bawah subseksyen 35(6), Seksyen 36 dan subseksyen 41(3) Akta Cukai Jualan 2018.
3. Peruntukan pembayaran balik (*refund*) di bawah Seksyen 38 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah untuk memulangkan apa-apa cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang telah terlebih dibayar atau terkhilaf bayar. Kelayakan pembayaran balik juga diberi di bawah subseksyen 34(6), Seksyen 35 dan subseksyen 40(3) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Antaranya situasi di mana pembayaran balik boleh dituntut adalah seperti berikut:
 - (i) Lebihan bayaran yang disebabkan oleh kesalahan taksiran, kesalahan penjenisan, kesalahan pengiraan cukai, kesalahan pengiraan kadar pertukaran mata wang asing, kesilapan pengikraran dan kesilapan pembayaran dua kali;
 - (ii) Pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan atas hutang lapuk pengilang berdaftar yang telah disahkan tidak boleh didapatkan semula dan telah dihapuskira dalam sistem perakaunan syarikat;

- (iii) Pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan, surcuj, penalti, fi atau wang lain yang telah memperolehi kelulusan remisi daripada Menteri Kewangan atau Ketua Pengarah Kastam (KPK); atau
 - (iv) Pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan yang telah memperolehi kelulusan pengecualian/ pembayaran balik daripada Menteri Kewangan (di bawah subseksyen 35(3)(c) ACJ 2018 dan subseksyen 34(3)(c) ACP 2018)
 - (v) Pembayaran balik kepada penjual (*vendor*) yang menjual kepada pihak yang telah memperolehi kelulusan pengecualian daripada Menteri Kewangan.
 - (vi) Pembayaran balik kepada penyedia perkhidmatan berdaftar yang telah menyediakan perkhidmatan kepada pihak yang telah memperolehi kelulusan pengecualian daripada Menteri Kewangan.
5. Peruntukan pulang balik (*drawback*) di bawah Seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 adalah untuk mengekalkan konsep cukai jualan seperingkat dan memulangkan balik cukai jualan yang telah dibayar berkenaan dengan barang bercukai yang kemudiannya dieksport. Seksyen ini tidak terpakai bagi petroleum dan produk petroleum yang terkandung di dalam bab 27, Perintah Duti Kastam 2017.
6. Tuntutan pulang balik (*drawback*) cukai jualan boleh dibuat dalam keadaan-keadaan seperti berikut:
- (i) Cukai jualan yang telah dibayar ke atas barang yang dibeli daripada pengilang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan kemudiannya dieksport
 - (ii) Cukai jualan yang telah dibayar ke atas barang-barang yang diimport dan kemudiannya dieksport; atau

- (iii) Cukai jualan yang telah dibayar oleh syarikat/ individu ke atas pembelian barang bercukai yang dibekalkan ke kawasan ditetapkan (Seksyen 54 Akta Cukai Jualan 2018) dan kawasan khas (Seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018) selain cukai jualan yang dibayar ke atas barang bercukai yang terletak di bawah Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Khas) 2018 atau Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2018.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI

7. Perundangan berkaitan pelaksanaan kemudahan pembayaran balik dan pulang balik cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

Permohonan	Akta ACJ 2018	Peraturan	Kuasa
Pembayaran balik			
(i) Cukai jualan atau penalti atas sebab atau syarat tertentu.	Subseksyen 35(3)(c)	-	Menteri Kewangan
(ii) Cukai jualan kepada mana-mana orang.	Subseksyen 35(6)	14	Menteri Kewangan
(iii) Cukai jualan berhubung dengan hutang lapuk.	Seksyen 36	15	KPK
(iv) Cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau wang lain terlebih/terkhalaf bayar.	Subseksyen 39(1)(a)	14	KPK
(v) Pembayaran balik ke atas peremitan cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau wang lain atas sebab atau syarat tertentu	Subseksyen 41(3)	14	Menteri Kewangan/ KPK

Permohonan	Akta ACJ 2018	Peraturan	Kuasa
Pulang Balik			
(i) Barang bercukai diimport atau dibeli dari pasaran tempatan yang telah dibayar cukai jualan dan kemudian dieksport.	Subseksyen 40(1)	17	KPK

Permohonan	Akta ACP 2018	Peraturan	Kuasa
Pembayaran balik			
(i) Cukai perkhidmatan atau penalti atas sebab atau syarat tertentu.	Subseksyen 34(3)(b)	-	Menteri Kewangan
(ii) Cukai perkhidmatan kepada mana-mana orang.	Subseksyen 34(6)	18	Menteri Kewangan
(iii) Cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk.	Seksyen 35	19	KPK
(iv) Cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain terlebih/ terkhilaf bayar.	Subseksyen 38(1)(a)	18	KPK
(v) Pembayaran balik ke atas peremitan cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain atas sebab atau syarat tertentu.	Subseksyen 40(3)	18	Menteri Kewangan/ KPK

TERMINOLOGI

8. Perkataan berikut mempunyai maksud berikut di dalam panduan ini:

- (i) “ACJ 2018” : Akta Cukai Jualan 2018
- (ii) “ACP 2018” : Akta Cukai Perkhidmatan 2018
- (iii) “PPCJ 2018” : Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018
- (iv) “PPCP 2018” : Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018
- (v) “Kawasan Pembangunan Bersama” : Mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 [Akta 440]
- (vi) “Kawasan Khas” : Mana-mana Zon Bebas (FZ), Gudang Berlesen (LW) dan Gudang Pengilangan Berlesen (LMW), dan Kawasan Pembangunan Bersama.
- (vii) “Kawasan Ditetapkan” : Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor (bermula 01.01.2020)
- (viii) “Pengilang Berdaftar” : Pengilang yang didaftarkan di bawah Seksyen 13 atau 14 ACJ 2018.
- (ix) “Hutang Lapuk” : Amaun belum jelas bagi bayaran berkenaan dengan jualan barang bercukai termasuk cukai jualan yang terhutang kepada seseorang yang merupakan, atau terhenti menjadi, pengilang berdaftar tetapi tidak dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan balik oleh orang itu.
- (x) “Petroleum” : Erti “Petroleum” di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967 ialah mana-mana minyak mineral atau hidro karbon relatif dalam bentuk pejal, cecair atau bergas berasal daripada keadaan semula jadinya dan termasuklah spirit petroleum, bitumen syel, lain-lain mendapan berstrata

daripada mana minyak boleh diekstrak secara komersial dan produk-produk petroleum boleh diperolehi melalui proses pengilangan.

PEMBAYARAN BALIK (*REFUND*)

9. Pembayaran Balik di Bawah Kuasa Menteri, Peruntukan Subseksyen 35(3)(c) ACJ 2018 dan 34(3)(b) ACP 2018

- (i) Di bawah subseksyen ini, Menteri Kewangan boleh mengarahkan KPK supaya cukai jualan/ cukai perkhidmatan atau penalti dibayar balik kepada mana-mana orang.
- (ii) Permohonan pengecualian cukai jualan/ cukai perkhidmatan atau penalti hendaklah dikemukakan oleh pemohon terus ke Kementerian Kewangan.
- (iii) Sekiranya permohonan pengecualian cukai jualan/ cukai perkhidmatan atau penalti telah diluluskan oleh Menteri Kewangan, permohonan pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan yang telah dibayar hendaklah dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik zon/ negeri yang mengawal di mana syarikat yang membuat tuntutan itu beroperasi.
- (iv) Sekiranya individu yang memohon pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan tidak mempunyai premis/ pejabat operasi, tuntutan boleh dikemukakan kepada pejabat JKDM yang berhampiran dengan alamat surat-menyurat yang digunakan dalam permohonannya.

10. Pembayaran Balik di Bawah Kuasa Menteri, Peruntukan Subseksyen 35(6) ACJ 2018 dan 34(6) ACP 2018

- (i) Di bawah subseksyen ini, mana-mana orang yang telah diberikan pengecualian di bawah subseksyen 35(1)(b) atau 35(3)(a) ACJ 2018 dan 34(1) atau 34(3)(a) ACP 2018 dan telah membayar cukai jualan/ cukai

perkhidmatan berhubung dengan pengecualian itu tetapi telah mendapat kelulusan Menteri untuk pembayaran balik amaun cukai jualan yang telah dibayar, maka orang itu berhak ke atas pembayaran balik itu.

- (ii) Permohonan pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan ke atas kelulusan yang diberi oleh Menteri Kewangan hendaklah dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik di zon/ negeri yang mengawal di mana syarikat yang membuat tuntutan itu beroperasi.
- (iii) Sekiranya individu yang memohon pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan tidak mempunyai premis/ pejabat operasi, tuntutan boleh dikemukakan kepada pejabat JKDM yang berhampiran dengan alamat surat-menyurat yang digunakan dalam permohonannya.

11. **Pembayaran Balik di Bawah Seksyen 36 ACJ 2018 dan 35 ACP 2018**

- (i) Pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan di bawah seksyen ini adalah berhubung dengan hutang lapuk oleh mana-mana orang yang merupakan pengilang berdaftar atau terhenti menjadi pengilang berdaftar.
- (ii) Permohonan hendaklah dikemukakan ke Bahagian CDN di zon/ negeri yang mengawal berserta dengan dokumen seperti berikut:
 - (a) Surat permohonan daripada pemohon;
 - (b) Borang JKDM No. 2;
 - (c) Penyata tuntutan (seperti di *Lampiran 3*);
 - (d) Salinan inoivis berkenaan dengan jualan barang bercukai atau pemberian perkhidmatan bercukai itu;
 - (e) Maklumat berkenaan dengan penghutang (pengesahan permulaan bagi penghutang baru);

- (f) Penyata SST-02 dan apa-apa dokumen lain yang menunjukkan syarikat pemohon telah mengakaun dan membayar cukai jualan/ cukai perkhidmatan itu;
- (g) Rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan pembayaran berkeenaan dengan cukai jualan/ cukai perkhidmatan telah tidak diterima (Contoh: lejar penghutang, penyata akaun penghutang, '*account receivable aging report*');
- (h) Rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan segala usaha yang munasabah telah diambil oleh orang itu untuk mendapatkan balik pembayaran berkeenaan dengan jualan barang bercukai dan pemberian perkhidmatan bercukai itu;
- (i) Rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan pembayaran berkeenaan dengan jualan barang bercukai telah dihapus kira dalam akaun penghutang itu sebagai hutang lapuk; dan
- (j) Pengesahan Nombor Akaun Bank
 - (a) Nama Bank
 - (b) Alamat Bank
 - (c) No. Akaun Bank
 - (d) No. Pendaftaran Perniagaan
 - (e) Salinan Penyata Bank (Muka Depan)
- (iii) Permohonan pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan berhubung hutang lapuk perlu dibuat dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh cukai jualan dibayar.
- (iv) Sekiranya syarikat belum menerima apa-apa bayaran berkeenaan dengan jualan barang bercukai/ pemberian perkhidmatan bercukai, syarikat boleh membuat tuntutan bagi pembayaran balik ke atas keseluruhan cukai yang telah dibayar.

- (v) Walau bagaimanapun, jika syarikat telah menerima sebahagian dari bayaran berkenaan dengan barang bercukai/ pemberian perkhidmatan bercukai itu, syarikat boleh menuntut perbezaan antara cukai jualan/ cukai perkhidmatan yang telah dibayar dengan amaun yang dikira mengikut formula seperti berikut:

$$\frac{A \quad x \quad C}{B}$$

Di mana A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan jualan barang bercukai/ pemberian perkhidmatan bercukai itu:

B ialah nilai jualan barang bercukai itu ditambah dengan cukai jualan/ pemberian perkhidmatan bercukai yang kena dibayar ke atas barang bercukai itu; dan

C ialah cukai jualan/ cukai perkhidmatan yang kena dibayar ke atas barang bercukai itu.

- (vi) Pengilang berdaftar/ orang berdaftar berhak untuk membuat tuntutan hutang lapuk jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa:

(a) Dalam kes penghutang adalah individu:

- Dia diisytiharkan muflis;
- Surat ikatan atau aturan dibuat untuk manfaat pemiutang; atau
- Komposisinya atau skim aturan yang dicadangkan olehnya diluluskan di bawah Akta Kebankrapan 1967;

(b) Dalam kes penghutang adalah syarikat:

- Diarah oleh mahkamah untuk digulung kerana tidak dapat membayar hutangnya mengikut pengertian Akta Syarikat 2016; atau

- Penerima dilantik bagi harta orang berdaftar itu dan pernyataan hal ehwal diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia menunjukkan bahawa asetnya tidak mencukupi untuk menampung pembayaran apa-apa dividen berkenaan dengan hutang keutamaan atau tidak bercagar.

12. **Pembayaran Balik di Bawah Subseksyen 39(1)(a) ACJ 2018 dan 38(1)(a) ACP 2018**

- (i) Permohonan pembayaran balik cukai jualan, surcay, penalti, fi atau wang lain di bawah subseksyen 39(1)(a) ACJ 2018 atas sebab-sebab terlebih atau terkhilaf bayar hendaklah dibuat dalam tempoh satu tahun dari tarikh cukai dibayar.
- (ii) Permohonan pembayaran balik cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi atau wang lain di bawah subseksyen 38(1)(a) ACP 2018 atas sebab-sebab terlebih atau terkhilaf bayar hendaklah dibuat dalam tempoh satu tahun dari tarikh cukai dibayar.
- (iii) Permohonan hendaklah dikemukakan ke **Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik di zon/ negeri** yang mengawal berserta dengan dokumen seperti berikut:
 - (a) Surat permohonan yang menerangkan tuntutan berkaitan dengan pembayaran balik cukai jualan/ cukai perkhidmatan, surcay, penalti, fi dan wang lain;
 - (b) Borang JKDM No. 2;
 - (c) Salinan invois jualan;
 - (d) Salinan sijil pengecualian cukai jualan atau surat kelulusan peremitan cukai jualan jika berkenaan;

- (e) Salinan surat kelulusan pengecualian atau peremitan cukai perkhidmatan jika berkenaan;
- (f) Salinan Borang Kastam No. 1 (jika barang diimport);
- (g) Penyata SST-02;
- (h) Apa-apa dokumen sokongan yang berkaitan dengan permohonan tersebut; dan
- (i) Penyata Tuntutan Pembayaran Balik (seperti di *Lampiran 4*).

PULANG BALIK DI BAWAH SUBSEKSYEN 40(1) ACJ 2018

13. Pulang balik cukai jualan yang telah dibayar ke atas barang-barang yang dieksport dibenarkan di bawah subseksyen 40(1) ACJ 2018 tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Peraturan 17 PPCJ 2018 seperti berikut:

- (i) Barang bercukai itu telah dieksport dalam tempoh tiga bulan, atau apa-apa tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah daripada:
 - (a) Tarikh cukai jualan itu dibayar bagi pengimportan barang bercukai itu; atau
 - (b) Tarikh invois dikeluarkan bagi pembelian barang bercukai itu;
- (ii) Barang bercukai itu telah diisytiharkan dalam Borang Pengisytiharan Eksport Kastam atau dokumen lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah pada masa eksport dan pengisytiharan eksport itu telah diluluskan.
- (iii) Suatu notis bertulis telah diberikan kepada pegawai kanan cukai jualan pada atau sebelum masa eksport mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa suatu tuntutan pulang balik cukai jualan yang telah dibayar ke atas barang bercukai yang akan dieksport itu akan dibuat di bawah seksyen 40 Akta.

- (iv) Barang bercukai itu telah ditentukan dan dieksport dengan memuaskan hati pegawai kanan cukai jualan di tempat eksport.
 - (v) Cukai jualan itu telah dibayar sebelum barang itu dieksport.
 - (vi) Barang bercukai itu telah tidak termasuk dalam kelas barang yang pembayaran pulang balik itu dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967.
 - (vii) Barang bercukai itu tidak digunakan selepas pengimportan atau selepas pembayaran cukai jualan.
 - (viii) Permohonan tuntutan pulang balik hendaklah dibuat menggunakan borang JKDM No.2 berserta dokumen-dokumen sokongan semasa pengimportan dan pengeksportan dan dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh barang bercukai dieksport.
14. Syarat-syarat tuntutan pulang balik cukai jualan melalui tiga (3) kaedah pengeksportan:
- (i) Pengeksportan keluar negara (*direct export*)**
 - a) Pengikraran eksport perlu dibuat menggunakan Borang Kastam No.2.
 - b) Membuat notis/ akaun tuntutan (*transaction type*) D3 “*Export for Drawback Section 40 STA 2018*” di dalam Borang Kastam No.2. Tuntutan pulang balik tidak akan dipertimbangkan sekiranya tidak ada notis/ akaun “*transaction type*” D3 di dalam Borang Kastam No.2.
 - c) Bagi stesen-stesen yang tidak menggunakan SMK, notis tuntutan pulang balik hendaklah dicatitkan dengan jelas dalam Borang Pengikraran Eksport dengan menyatakan seksyen dan akta perundangan yang berkaitan.
 - d) Pegawai kastam akan membuat semakan ke atas dokumen-dokumen sokongan seperti invois, notis penghantaran (*delivery order*) dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Sekiranya pegawai berpuas hati setelah

semakan ke atas dokumen-dokumen sokongan dibuat, pemeriksaan fizikal tidak perlu dilaksanakan mengikut pertimbangan pegawai kastam.

- e) Pemeriksaan fizikal akan dilaksanakan secara rawak (*random*) sekiranya dirasakan perlu oleh pegawai kastam di Cawangan Eksport (Import/ Eksport) setelah pemeriksaan dokumen-dokumen sokongan dibuat dan didapati meragukan.

(ii) Pengeksportan (*goods transported to*) ke kawasan khas (*Special Areas*) [Zon Bebas (ZB), Gudang Pengilangan Berlesen (GPB), Gudang Berlesen (GB) dan Kawasan Pembangunan Bersama (JDA)] di bawah Seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018.

- (a) Pengikraran eksport ke kawasan khas (*special areas*) adalah dengan menggunakan Lampiran J untuk pergerakan barang dari Kawasan Utama Kastam (KUK) ke GPB/ GB/ JDA.
- (b) Pengikraran eksport ke kawasan khas adalah dengan menggunakan Borang Kastam No.2 (K2) sekiranya pergerakan barang dari Kawasan Utama Kastam (KUK) ke ZB.
- (c) Membuat notis/ akaun tuntutan (*transaction type*) D3 “*Export for Drawback Section 40 STA 2018*” di dalam Borang Kastam No.2. Tuntutan pulang balik tidak akan dipertimbangkan sekiranya tidak ada notis/ akaun “*transaction type*” D3 di dalam Borang Kastam No.2.
- (d) Bagi stesen-stesen yang tidak menggunakan SMK, notis tuntutan pulang balik hendaklah dicatitkan dengan jelas dalam Borang Pengikraran Eksport dengan menyatakan seksyen dan akta perundangan yang berkaitan.
- (e) Lampiran J perlu ditandatangani (*certified*) oleh kedua-dua pihak, iaitu penjual dan pembeli.

- (f) Perlu ada akuan/ notis tuntutan pulang balik di dalam Lampiran J untuk *transaction type* D3 “*Export for Drawback Section 40 STA 2018*”.
- (g) Dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan adalah invoice dan notis penghantaran (*delivery order*)

(iii) Pengeksportan (*goods transported to*) ke Kawasan Ditetapkan (*Designated Area*) di bawah Seksyen 54 Akta Cukai Jualan 2018

- (a) Pengiklanan eksport dibuat menggunakan Borang Kastam No.2
- (b) Membuat notis tuntutan (*transaction type*) D3 “*Export for Drawback Section 40 STA 2018*” di dalam Borang Kastam No.2. Tuntutan pulang balik tidak akan dipertimbangkan sekiranya tidak ada akuan “*transaction type*” D3 di dalam Borang Kastam No.2.
- (c) Bagi stesen-stesen yang tidak menggunakan SMK, notis tuntutan pulang balik hendaklah dicatitkan dengan jelas dalam Borang Pengiklanan Eksport dengan menyatakan seksyen dan akta perundangan yang berkaitan.
- (d) Pegawai kastam akan membuat semakan ke atas dokumen-dokumen sokongan seperti invoice, notis penghantaran (*delivery order*) dan sebagainya. Sekiranya pegawai berpuashati setelah semakan ke atas dokumen-dokumen sokongan dibuat, pemeriksaan fizikal tidak perlu dilaksanakan mengikut pertimbangan pegawai kastam.
- (e) Pemeriksaan fizikal akan dilaksanakan secara rawak (*random*) sekiranya perlu setelah semakan ke atas dokumen yang dibuat adalah meragukan.

15. Permohonan tuntutan pulang balik cukai jualan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh barang bercukai dieksport ke **Cawangan Perakaunan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Teknik di zon/ negeri** yang mengawal di mana syarikat membuat tuntutan itu beroperasi berserta borang dan dokumen yang berikut:

- (i) Borang JKDM No. 2
 - (ii) Borang Kastam No.1, Borang Kastam No.9, inoiv dari pengilang berdaftar atau apa-apa dokumen lain yang mengandungi butir-butir cukai jualan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah; dan
 - (iii) Inoiv jualan kepada pembeli, salinan Borang Kastam No.2, Lampiran J, notis penghantaran (*delivery order*) atau apa-apa dokumen lain yang mengandungi butir-butir pengeksportan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.
16. Sekiranya individu yang memohon pembayaran balik cukai jualan tidak mempunyai premis/ pejabat operasi, tuntutan boleh dikemukakan ke pejabat JKDM yang berhampiran dengan alamat surat-menyurat yang digunakan dalam permohonannya.

RAYUAN KE ATAS PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK

17. Permohonan rayuan terbahagi kepada dua (2) jenis permohonan. Permohonan tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Permohonan pembayaran balik dan pulang balik yang **DITOLAK**. Tatacara pelaksanaan rayuan melibatkan perkara di para 17(a) dan (b).
 - (ii) Permohonan rayuan pembayaran balik bagi tuntutan yang melebihi tempoh masa yang ditetapkan di bawah subseksyen 36(3) [dalam tempoh 6 tahun dari tarikh pembayaran cukai jualan] dan 39(2) [dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pembayaran cukai jualan] ACJ 2018. Tatacara pelaksanaan melibatkan perkara di para 17(a) dan (c).
 - (a) Bagi permohonan pembayaran balik dan pulang balik yang **DITOLAK**, pemohon boleh membuat rayuan kajian semula dalam tempoh **tiga puluh (30)** hari dari tarikh surat penolakan KPK di bawah subseksyen 96(1) ACJ 2018 dan 81(1) ACP 2018. Jika rayuannya gagal, pemohon

boleh merayu ke Tribunal Rayuan Kastam mengikut peruntukan subseksyen 96(5) ACJ 2018 dan 81(5) ACP 2018.

(b) Pihak syarikat boleh terus mengemukakan permohonan rayuan kajian semula ke atas permohonan pembayaran balik/ pulang balik ke **Cawangan Kawalan Kemudahan Fasilitasi dan Konsultasi, Bahagian CDN, Ibu Pejabat** mengikut peruntukan Seksyen 96 Akta Cukai Jualan 2018.

(c) Bagi permohonan rayuan pembayaran balik yang melibatkan tuntutan melebihi tempoh masa yang ditetapkan di bawah subseksyen 36(3) dan 39(2) ACJ 2018, 35(3) dan 38(2) ACP 2018, permohonan hendaklah dikemukakan ke **Cawangan Kawalan Kemudahan Fasilitasi dan Konsultasi, Bahagian CDN, Ibu Pejabat**.

18. Bagi kes-kes rayuan tuntutan pembayaran balik/pulang balik duti/cukai kastam yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan atau JKDM Ibu Pejabat, pemohon dikehendaki berurusan semula dengan Stesen Kastam di mana fail asal permohonan tuntutan mereka didaftarkan dengan tujuan pembayaran.

TUNTUTAN OLEH PIHAK KETIGA

19. Tuntutan oleh pihak ejen atau wakil syarikat/individu adalah dibenarkan.
20. Ejen/wakil hendaklah mendapat surat perlantikan rasmi daripada syarikat/individu berkenaan.
21. Ejen/wakil yang tidak mempunyai surat perlantikan rasmi daripada syarikat/individu berkenaan adalah tidak layak menuntut dan pegawai proses berhak menolak permohonan tersebut.
22. Ejen/wakil yang dilantik hendaklah memastikan tuntutan melalui Borang JKDM No.2 di buat atas nama ejen/wakil berkenaan di ruangan A. Dengan itu, ejen/wakil telah menjadi pihak sebenarnya yang menuntut dan tidak semata-mata berurusan bagi pihak yang 'layak menuntut'.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email: ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 3 - 13 Februari 2020

Para	Keterangan
Para 13 (viii)	<i>Memasukkan ayat “dan dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh barang bercukai dieksport”</i>
Para 15	<i>Memasukkan ayat “dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh barang bercukai dieksport”</i>
Para 15 (i)	<i>Memasukkan perkataan “Borang JKDM No.2”</i>
Para 15 (i), (ii)	<i>Menggantikan para 15(i) dengan Para 15(ii) dan mewujudkan para 15(iii)</i>

**SENARAI SEMAK TUNTUTAN PEMBAYARAN BAIK/PULANG BALIK
DUTI/CUKAI KASTAM**

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. Surat Permohonan Tuntutan Pembayaran Balik/Pulang Balik | <input type="checkbox"/> |
| 2. Borang JKDM No. 2 | <input type="checkbox"/> |
| 3. Penyata Pengiraan Tuntutan | <input type="checkbox"/> |
| 4. Borang Kastam No. 1 / Kastam No. 9 | <input type="checkbox"/> |
| 5. Borang Kastam No. 2 / Lampiran J | <input type="checkbox"/> |
| 6. Resit Bayaran | <input type="checkbox"/> |
| 7. Invois / Packing List | <input type="checkbox"/> |
| 8. Bill Of Lading / Airway Bill | <input type="checkbox"/> |
| 9. Sijil Tempasal (Certificate Of Origin) | <input type="checkbox"/> |
| 10. Surat Kelulusan / Pengecualian daripada Kementerian
Kewangan / Ibu Pejabat JKDM | <input type="checkbox"/> |
| 11. Sijil Keputusan Klasifikasi Barangan / Penilaian | <input type="checkbox"/> |
| 12. Pengesahan Nombor Akaun Bank <ul style="list-style-type: none"> i) Nama Bank ii) Alamat Bank iii) No. Akaun Bank iv) No. Pendaftaran Perniagaan | <input type="checkbox"/> |
| 13. Surat Kuasa (Letter Of Authorization)
(Daripada syarikat kepada ejen/ wakil) | <input type="checkbox"/> |
| 14. Surat Kuasa Pihak Syarikat
(Kepada Staf) | <input type="checkbox"/> |
| 15. Lain-Lain Dokumen Berkaitan
(Nyatakan) | <input type="checkbox"/> |

Nota: Semua dokumen yang dikemukakan hendaklah dokumen asal bersama dengan salinan pendua

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK / PULANG BALIK DUTI / CUKAI / LAIN-LAIN CLAIM FOR REFUND / DRAWBACK OF DUTY / TAX / OTHERS		
Nota Penting/Important notes: i. Hanya satu (1) tuntutan sahaja dibenarkan untuk setiap borang JKDM No.2. / Only one (1) claim allowed for each JKDM 2 Form ii. Sila tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada petak yang berkenaan. / Please tick <input checked="" type="checkbox"/> in the relevant box.		
PEMBAYARAN BALIK / REFUND	PULANG BALIK / DRAWBACK	LAIN-LAIN / OTHERS
(a) Akta Kastam 1967 / Customs Act 1967 Seksyen 11/Section 11 Seksyen 16/Section 16 (b) Akta Eksais 1976 / Excise Act 1976 Seksyen 13/Section 13 Seksyen 95/Section 95 (c) Akta Cukai Jualan 2018/Sales Tax Act 2018 Seksyen 10/Section 10 Seksyen 39/Section 39 Seksyen 19/Section 19 Seksyen 19D/Section 19D Seksyen 36/Section 36 Seksyen 19A/Section 19A Seksyen 19E/Section 19E (d) Akta Cukai Perkhidmatan/Service Tax Act 2018 Seksyen 10/Section 10 Seksyen 38/Section 38 Seksyen 40/Section 40 Seksyen 35/Section 35	(a) Akta Kastam 1967 / Customs Act 1967 Seksyen 93/Section 93 Seksyen 99/Section 99 (b) Akta Eksais 1976 / Excise Act 1976 Seksyen 95/Section 95 (c) Akta Cukai Jualan 2018/Sales Tax Act 2018 Seksyen 19/Section 19 Seksyen 19D/Section 19D Seksyen 19A/Section 19A Seksyen 19E/Section 19E (d) Akta Cukai Perkhidmatan/Service Tax Act 2018 Seksyen 40/Section 40	Nyatakan Akta dan Seksyen yang berkenaan: Please state the relevant Act and Section:
A. BUTIRAN PENUNTUT / CLAIMANT PARTICULARS		UNTUK KEGUNAAN RASMI / FOR OFFICIAL USE
1. Nama Name 2. Alamat Address Poskod Postcode Negeri State		15. Nama Stesen Kod Stesen Station Name Station Code 16. No. Rujukan Reference No. 17. Tarikh Terima Masa Terima Date Received Time Received Hari Bulan Tahun Day Month Year 4. No. Pendaftaran Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan* Sales Tax / Service Tax Registration No.*
3. No. Pendaftaran Syarikat / Perniagaan atau No. KP / Passport Company Business Registration No. or NRIC / Passport No.		5. No. Akaun Bank Penuntut Claimant's Account No. Nama Bank Penuntut Claimant's Bank Name
B. BUTIRAN EJEN / AGENTS' PARTICULARS (JIKA BERKENAAN / IF APPLICABLE)		
6. Nama dan Alamat Ejen Yang Diberi Kuasa Name and Address of the Authorized Agent		7. Kod Ejen Agent Code 8. No. Pendaftaran Cukai Perkhidmatan* Service Tax Registration No.*
C. BUTIRAN TUNTUTAN / PARTICULARS OF CLAIMS		
9. No. Pendaftaran Borang Perisytiharan / Lain-lain Declaration/ Other Form's No.		
*Sila tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada petak yang berkenaan. *Please tick <input checked="" type="checkbox"/> in the relevant box.		
Borang Kastam <input type="checkbox"/> Borang Eksais <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/> Sila Nyatakan Customs Form Excise Form Others Please State		
No. Borang No. Resit / Invois Tarikh Resit / Invois Form's No. Receipt / Invoice No. Date of Receipt / Invoice Hari Bulan Tahun Day Month Year		
10. Pengiraan Tuntutan (Sila gunakan muka surat sebelah jika ruangan tidak mencukupi) Calculation of Claim (Please use overleaf if space is insufficient)		
D. PERISYTIHARAN / DECLARATION * Potong yang mana tidak berkenaan/Delete whichever is not applicable		
11. Saya mengaku bahawa barang dalam borang perisytiharan di atas telah diimport / diekspor / dibeli / dijual* dan tidak dimaksudkan untuk didaratkan di mana-mana tempat dalam Malaysia dan notis tuntutan telah dibuat. Saya memperakui bahawa tidak ada tuntutan dibuat sebelum ini dan semua maklumat yang diisytiharkan dalam borang ini adalah lengkap, tepat dan benar. I certify that the goods in the declaration form above were imported/exported / purchased / sold* and are not intended to be landed at any place in Malaysia and a notice of claim has been made. I certify that no previous claim has been made and information declared in this Form is complete, true and correct.		12. Nama Penuntut atau Orang Yang Mewakili / Ejen Yang Diberi Kuasa Name of Claimant or Representative / Authorized Agent 13. No. KP / Passport NRIC / Passport No.
Tandatangan Penuntut atau Orang Yang Mewakili / Ejen Yang Diberi Kuasa Signature of Claimant or Representative / Authorized Agent		14. Jawatan/Designation:

Pengiraan Tuntutan / *Calculation of Claim*

PANDUAN MENGISI BORANG JKDM NO. 2

A. BUTIRAN PENUNTUT	
Butiran	Keterangan
1.	Dalam ruang ini sila nyatakan nama penuh penuntut
2.	Dalam ruang ini sila nyatakan alamat penuntut
3.	Dalam ruang ini sila nyatakan No. Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan atau Nombor Kad Pengenalan/ Nombor Pasport Penuntut
4.	Dalam ruang ini sila nyatakan nombor pendaftaran Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan Penuntut (jika berkenaan)
5.	Dalam ruang ini sila nyatakan nombor akaun dan nama bank penuntut bagi tujuan pembayaran wang tuntutan yang telah diluluskan
B. BUTIRAN EJEN	
6.	Ruang ini perlu diisi oleh ejen yang mempunyai kebenaran di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 dan telah diberi kuasa oleh syarikat untuk mengemukakan tuntutan. Dalam ruang ini juga sila nyatakan nama penuh dan alamat ejen yang diberi kuasa dengan melampirkan surat kuasa dari syarikat (jika berkenaan)
7.	Dalam ruang ini sila nyatakan nombor kod ejen yang diberikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada ejen yang mempunyai kebenaran di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967
8.	Dalam ruang ini sila nyatakan nombor pendaftaran Cukai Perkhidmatan ejen tersebut
C. BUTIRAN TUNTUTAN	
9.	Dalam ruang ini sila tandakan ruang berkenaan, nyatakan nombor pendaftaran borang pengisytiharan, serta nombor dan tarikh resit atau invois berkaitan tuntutan
10.	Dalam ruang ini sila nyatakan ringkasan pengiraan tuntutan dan sila guna muka surat sebelah jika ruangan tidak mencukupi
D. PENGISYTIHARAN	
11.	Ruangan ini hendaklah ditandatangani oleh penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa. Orang yang mewakili syarikat hendaklah terdiri daripada pekerja syarikat yang telah diberi kebenaran untuk mewakili syarikat dan surat kebenaran tersebut hendaklah dilampirkan bersama tuntutan ini
12.	Dalam ruang ini sila nyatakan nama penuh penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa
13.	Dalam ruang ini sila nyatakan nombor Kad Pengenalan atau Pasport penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa
14.	Dalam ruang ini sila nyatakan jawatan penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa
E. UNTUK KEGUNAAN RASMI	
15.	Ruangan ini untuk kegunaan rasmi
16.	Ruangan ini untuk kegunaan rasmi
17.	Ruangan ini untuk kegunaan rasmi

**PENYATA TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK CUKAI JUALAN/ CUKAI PERKHIDMATAN BERHUBUNG DENGAN
HUTANG LAPUK SEKSYEN 35 AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 DAN 36 AKTA CUKAI JUALAN 2018**

Nama Syarikat :
No. Pendaftaran SST :

Bil.	No. Invois Jualan	Tarikh Invois Jualan	Nilai Jualan Barang Bercukai	Amaun Cukai Jualan/ Cukai Perkhidmatan Telah Dibayar ke JKDM	Tempoh Bercukai Cukai Jualan/ Cukai Perkhidmatan Dibayar	Amaun Bayaran Diterima Daripada Penghutang	Amaun Tunggakan Termasuk Cukai Jualan/ Cukai Perkhidmatan	Amaun Cukai Jualan/ Cukai Perkhidmatan Yang Dituntut
	JUMLAH							

Saya _____ No. Kad Pengenalan _____, _____
(nama) (jawatan)

dengan ini mengesahkan bahawa tuntutan ini adalah betul dan tepat.

Tandatangan dan Cop Syarikat

**PENYATA TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK CUKAI JUALAN/ CUKAI PERKHIDMATAN SEKSYEN 38(1)(a) AKTA
CUKAI PERKHIDMATAN 2018 DAN SEKSYEN 39(1)(a) AKTA CUKAI JUALAN 2018**

BIL	TEMPOH BERCUKAI PENYATA SST-02 / NO. PENDAFTARAN BORANG KASTAM NO.1	NOMBOR RESIT	TARIKH RESIT	PERIHAL BARANG	NO. KOD TARIFF	NO. INVOIS JUALAN	CUKAI JUALAN/ CUKAI PERKHIDMATAN DIBAYAR	CUKAI JUALAN/ CUKAI PERKHIDMATAN DITUNTUT
			JUMLAH					

* Saya akui butir-butir maklumat yang dinyatakan dalam borang adalah betul dan benar.

Tandatangan :

Nama penuh :

Cop Syarikat :

**PENGESAHAN PENGHANTARAN DAN PENERIMAAN BARANG UNTUK
TUNTUTAN PULANG BALIK DUTI DI BAWAH SEKSYEN 93 AKTA KASTAM 1967 /
SEKSYEN 40 AKTA JUALAN 2018 / SEKSYEN 19 AKTA EKSAIS 1976**

BAHAGIAN A:

Saya bagi pihak Syarikat
(nama)

.....
(nama & alamat kilang / penjual)

mengaku bahawa barang-barang seperti dibawah adalah dikilang oleh Syarikat diatas
dan barang-barang tersebut telah di jual / dihantar kepada pembeli

.....
(nama & alamat pembeli / GPB / KBC)

No. Lesen GPB / KBC :

Melalui No. Invois : Tarikh

No. Surat Hantar / Serah:..... Tarikh

Bil	Perihal Barang	Jumlah	Catitan

(Ruangan ini di kosongkan untuk syarikat penjual/ kilang memberi notis tuntutan pulang balik duti/cukai kastam)

Tandatangan :

No. K/P :

Pangkat :

Cop Syarikat:

Tarikh :

BAHAGIAN B:

Saya..... bagi pihak Syarikat
(nama pihak yang diberi kuasa)

.....
(nama Syarikat/ Pembeli)

.....
(alamat Syarikat)

mengesahkan bahawa saya telah menerima barang - barang seperti yang diikrar di dalam BAHAGIAN A di atas pada
(tarikh)

Tandatangan:.....

No . K/P :.....

Pangkat :.....

Cop Syarikat:.....

Tarikh :.....

Catitan:

1. LAMPIRAN J hendaklah dibuat untuk setiap penghantaran barang ke GPB / KBC.
2. Jualan barang-barang hendaklah kepada pembeli yang telah diluluskan taraf GPB atau KBC sahaja.
3. Barang-barang berkenaan tidak dibenarkan dikembalikan atau dikeluarkan dari premis GPB / KBC dalam bentuk asal kecuali untuk dieksport / kerja subkontrak atau dengan kebenaran PKN dan selepas segala duti / cukai telah dibayar balik.
4. Syarikat yang diluluskan kemudahan ini hendaklah membayar balik segala duti / cukai yang diterimanya ke atas barang-barang yang tidak dapat diakaunkan penerimaannya oleh GPB / KBC.
5. Salinan asal LAMPIRAN J hendaklah dikemukakan ke stesen yang mengawal semasa membuat tuntutan Pulang balik.
6. Satu salinan LAMPIRAN J hendaklah dikemukakan kepada pejabat Cawangan Perindustrian yang mengawal kilang.